

SEJARAH MATAWANG DARI ERA PENJAJAHAN PORTUGIS SEHINGGA KE PEMBENTUKAN BANK NEGARA MALAYSIA

Mohd Amim Othman^{1,2} dan Husniyah Abdul Rahim¹

PENGENALAN

Matawang adalah suatu alat penting dalam sistem kewangan kerana ia memudahkan aktiviti pertukaran barang di antara pengguna dan peniaga. Sebelum sesuatu matawang dicipta, aktiviti kewangan dalam kehidupan manusia adalah mudah dan keperluan kepada pelbagai barang dan perkhidmatan tidak mendesak. Produk dan perkhidmatan terhad kepada penggunaan peribadi dan perhubungan dengan pihak luar tidak begitu luas dan terhad. Individu menggunakan sistem pertukaran (barter) barang sebagai cara terbaik untuk mendapatkan barang orang lain. Sehingga, wang dicipta bagi memudahkan pertukaran barang antara dua pihak. Penetapan nilai pada wang menjadi medium mengukur standard pada barang yang bakal ditukar atau diperolehi. Apabila aktiviti kehidupan manusia semakin berkembang serta memerlukan kepada pelbagai produk dan perkhidmatan, aktiviti pertukaran barang semakin meningkat sehingga menimbulkan masalah dalam mendapatkan barang yang diperlukan. Aktiviti pertukaran menjadi sukar apabila kualiti dan kuantiti barang yang hendak ditukar tidak sama dari segi nilai dan standard yang diperlukan. Penciptaan wang sebagai alat pertukaran barang dan perkhidmatan merancakkan aktiviti ekonomi dan perdagangan kerana pelbagai barang dapat diperolehi dengan menggunakan medium perantara nilai yang sama dalam mengukur nilai barang yang hendak ditukar.

Secara umum, wang digunakan sebagai perantaraan untuk memenuhi kehendak atau keperluan manusia seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Wang mempunyai sifat penerimaan umum yang menghubungkan manusia sebagai alat perantaraan untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan. Oleh itu, orang ramai mendapatkan wang sebagai alat perantaraan untuk tujuan urusniaga bagi mendapatkan sesuatu barang bagi memenuhi keperluan manusia yang tidak hanya terbatas pada keperluan hidup semata-mata. Wang bukan sahaja digunakan sebagai medium pertukaran malah berperanan sebagai unit ukuran nilai. Wang juga diperlukan untuk menentukan harga atau mengukur nilai pertukaran yang sepatutnya sesuatu untuk ditukarkan dengan barang dan perkhidmatan. Fungsi wang yang ketiga ialah wang sebagai penyimpan nilai. Fungsi ini menggambarkan bahawa pertukaran untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan boleh dilakukan untuk masa akan datang. Justeru, sifat wang adalah penyimpan nilai, medium pertukaran dan unit akaun dalam memudahkan pertukaran barang antara dua individu.

Penciptaan wang sebagai medium pertukaran dalam aktiviti perniagaan memudahkan hubungan perdagangan antara dua pihak yang terbabit dalam aktiviti jualbeli. Kedudukan Semenanjung Tanah Melayu sebagai laluan utama perdagangan dunia pada awal kurun ke-15 disumbang oleh kreativiti pihak penguasa kerajaan kesultanan melayu ketika itu yang berada di persisiran pantai dalam mengurus aktiviti perdagangan dan pengenalan kepada peraturan dan undang-undang berkaitan perdagangan yang melibatkan penggunaan matawang tunggal atau yang diiktiraf bagi merancakkan perdagangan antara pedagangan.

¹ Jabatan Pengurusan Sumber Dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

² Correspondent: mohdamim@gmail.com.

Penguasaan sesebuah matawang ke atas sesuatu kawasan perdagangan turut bermaksud pengawalan kuasa penjajahan sebuah empayar ke ataskekayaan sesebuah kawasan perdagangan yang di bawah kawalan mereka. Justeru, kita dapat melihat bagaimana sesebuah kerajaan atau empayar yang menguasai sesuatu kawasan akan cuba bersungguh-sungguh untuk menempatkan matawang mereka ke atas kawasan yang ditakluki bagi tujuan perdagangan kerana kekayaan sesuatu kawasan jajahan seperti perdagangan rempah dan emas dapat dikawal dengan penetapan nilai barang dan perkhidmatan mengikut nilai matawang yang dicipta oleh mereka.

KONSEP WANG

Wang memainkan peranan yang penting ke arah membantu dalam mengerakkan ekonomi negara dan seterusnya memangkin ke arah pertumbuhan ekonomi. Secara umumnya, permasalahan yang timbul daripada sistem barter akhirnya telah membawa kepada evolusi penggunaan wang. Dari perspektif Islam, dalam bahasa arab maksud wang dirujuk sebagai naqd (kata nama tunggal) atau nuqūd (kata nama jamak) dalam Bahasa Arab. Perkataan nuqūd tidak didapati di dalam Al-Quran atau hadith kerana masyarakat Arab menggunakan nuqūd untuk menunjukkan kepada harga. Masyarakat Arab menggunakan nama dīnār bagi wang yang diperbuat daripada emas dan nama dirhām untuk wang yang diperbuat daripada perak. Menurut Abdul Rahman dan Joni Tamkin (2017), masyarakat Arab menggunakan perkataan wariq untuk menunjukkan kepada wang dirham perak. Manakala ‘ayn menunjukkan kepada wang dinar emas. Fulūs pula merujuk kepada wang kelas kedua untuk membeli barang yang berharga amat kecil dan rendah. Ulama tidak memberikan takrifan yang khusus kepada nuqūd dalam kitab-kitab fiqh dan mereka tidak mengkhususkan nuqūd untuk matawang yang diperbuat daripada emas dan perak sahaja. Bahkan nuqūd dikaitkan dengan semua jenis matawang. Namun begitu, pengertian wang dapat dilihat melaluiuraian ulama tentang fungsi wang.

Ibn Taymiyyah menerangkan dirham dan dinar tidak diketahui definisinya samada dari bahasa ataupun syarak. Definisi ini perlu dirujuk kepada adat dan istilah umum dalam masyarakat. Ini disebabkan dirham dan dinar secara semula jadi bukan dijadikan sebagai tujuan utama tetapi sebagai pengukur nilai untuk sesuatu yang digunakan mereka dalam jual beli. Dr. Ahmad Hasan merumuskan pengertian wang berdasarkan pelbagai pandangan ulama. Menurut beliau wang ialah “alat yang digunakan oleh manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran.” Definisi ini menjelaskan wang tidak terhad kepada emas dan perak dan fungsi utama wang ialah menjadi pengukur nilai bagi barang dan medium pertukaran dalam sebarang urusan.

Perspektif kewangan moden, wang merujuk kepada apa-apa barang yang berfungsi sebagai medium pertukaran. Secara mudah, ia menerangkan kepada anda bahawa wang merupakan satu alat pertukaran yang diterima secara meluas sebagai cara pembayaran. Pada awal tahun 1980an, ketika Romania berada di bawah pemerintahan Parti Komunis. Rakyat Negara tersebut menggunakan rokok jenama Kent sebagai medium pertukaran kerana ia mudah diterima dan boleh ditukar untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan yang lain. Akhirnya, wang ditakrifkan oleh orang dan apa yang mereka lakukan. Apabila orang menggunakan “sesuatu” sebagai medium pertukaran, ia menjadi wang. Jika orang mula menerima “guli” sebagai bayaran untuk kebanyakan barang dan perkhidmatan, maka guli akan menjadi wang.

SEJARAH AWAL MATAWANG DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU

Perkembangan matawang di kebanyakan negara di Kepulauan Melayu berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti perdagangannya. Pengenalan matawang yang standard berpunca dari perlunya menyelesaikan masalah-masalah yang sering dihadapi dalam sistem perdagangan tukar barang. Di samping itu juga, pengaruh perdagangan dalam negeri dan antarabangsa telah membawa kepada perkembangan wang di dalam negara. Usaha-usaha untuk memudahkan aktiviti perdagangan ini akhirnya membawa kepada lebih banyak matawang teredar kerana ianya menggalakkan perdagangan yang aktif dan seterusnya meningkatkan permintaan untuk pengeluaran wang.

Matawang awal yang digunakan adalah kulit siput geweng iaitu sejak abad ke-3 Masihi. Nilainya berdasarkan saiz dan jenis siput. Penduduk tempatan juga menggunakan kulit siput gerus yang diimport dari Pulau Maldiv dan Borneo. Matawang jenis dinar juga antara matawang terawal yang ditemui di Kelantan, bertarikh 1181 Masihi. Namun, mulai kurun ke-8 pedagang-pedagang dari China memperkenalkan wang tembaga dengan banyaknya ke negeri-negeri Tanah Melayu, yang menjadi matawang utama dan kadangkala merupakan matawang tunggal bagi kebanyakan negeri di Kepulauan Timur. Bagi negeri-negeri kawasan tengah Semenanjung Tanah Melayu pula, matawang terawal adalah berbentuk ketul-ketul jongkong timah yang mempunyai berat dan ketulenan yang setara. Saudagar-saudagar asing di Melaka menggunakan jongkong-jongkong timah di samping emas urai, batang-batang perak sebagai duit. Rakyat jelata pula menggunakan siput gerus, padi/beras, dan biji saga dalam urus niaga di pasar-pasar.

Kajian awal mendapati di semenanjung tanah melayu, duit syiling pertama dikeluarkan semasa pemerintahan Sultan Muzaaffar Shah (1445-1456/9) yang pada muka syiling tersebut tertera nama Sultan yang memerintah dan di bahagian belakangnya tertera dengan gelaran Islam baginda. Antara ciri menarik pada syiling tersebut ialah tidak dipengaruhi duit tunai Cina dan kebanyakannya tidak dibuat dengan cara tuangan atau acuan tetapi ditempa menggunakan ‘Die’ dan tiada lubang di tengahnya. Memandangkan tulisan yang terdapat pada duit-duit timah itu menyerupai tulisan dari India Selatan, maka sesetengah ahli numismatik berpendapat bahawa pembuat die tersebut terdiri daripada tukang logam orang India dan bukan Melayu.

Walau bagaimanapun menurut Salmy Edawati Yaacob (2009), Sakinah Mahamad Hakimi dan Zainal Abidin Sanusi, jongkong timah sangat terkenal pada zaman kegemilangan Kerajaan Melaka dan duit syiling timah Melayu pertama dikeluarkan ialah semasa zaman kegemilangan Kesultanan Melaka kira-kira pada tahun 1445 semasa pemerintahan Sultan Muzzafar Shah (1445-1459). Pada masa yang sama juga, menerusi pengaruh perdagangan antarabangsa dengan pedagang dari China, India dan Asia Barat, penduduk Tanah Melayu juga mula menerima dan menggunakan syiling logam yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang tersebut. Apabila Portugis menakluki Melaka pada tahun 1511, mereka telah membawa masuk syiling perak dan emas. Pada tahun 1580, syiling perak Dolar Sepanyol diperkenalkan ke dalam sistem kewangan bagi perdagangan di semenanjung melayu oleh penjajah Portugis untuk tujuan perdagangan di pelabuhan Melaka dan kawasan sekitar. Manakala pada tahun 1641, selepas Melaka ditakluki oleh Belanda, syiling Belanda pula beredar di Tanah Melayu bagi menambahkan lagi bekalan matawang.

Penjajahan British Semenanjung Tanah bermula dari 1786, ketika British East India Syarikat menubuhkan penempatan di Pulau Pinang. British mendirikan penempatan di Singapura pada tahun 1819. Dengan perjanjian London pada tahun 1824, pengaruh British dan Belanda ke atas nusantara hampir sama dengan kuasa pemerintahan kerajaan Malaysia dan Indonesia sekarang ini. Pembukaan Terusan Suez di 1869 memajukan perdagangan timah dan meningkatkan ekonomi

Malaya. Pada abad ke-19 pihak British menempatkan wakil mereka di negeri-negeri asal semenanjung untuk menambah kawalan langsung ke atas tanah jajahan Selat Selat, yang komponennya utama ialah Singapura. Negeri-negeri Selat atau “the straits settlements” mempunyai matawang mereka sendiri yang dinamakan Dolar Selat. Ia turut juga digunakan di negeri-negeri Melayu, kerana pada ketika itu negeri-negeri Melayu tidak mempunyai matawang tempatan khusus atau unit matawang yang berbeza dengan negeri-negeri selat.

Pada 1 April 1946, selepas pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Britain mencadang satu gagasan bagi menghimpunkan semua negeri-negeri Melayu ke dalam satu negeri bersatu yang dipanggil Malayan Union. Tetapi dengan sedikit perubahan dalam pembentukan perlombagaan menjadi Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948. Di bawah Persekutuan Tanah Melayu dan beberapa tahun sebelum tarikh tersebut, kerajaan tempatan telah mengendalikan Sistem Lembaga Matawang (*Currency Board System*) yang menghubungkan semua Negara Persekutuan dengan matawang tunggal yang dinamakan “Malayan dollar”. Pada tahun 1960-an, ketika ketegangan yang memuncak di antara orang Melayu dan bukan Melayu dalam Persekutuan, akhirnya membawa kepada kemunculan perpisahan Malaysia dan Singapura menjadi sebagai sebuah negara berasingan dan bebas dan menjurus kepada berakhirnya sistem Lembaga matawang.

MATAWANG KERAJAAN MELAYU SEBELUM DAN SELEPAS PENAKLUKAN MELAKA

Sebelum kedatangan Portugis di Semenanjung Tanah Melayu, masyarakat Melayu sudah mempunyai sistem matawang dan ukur nilai barang yang tersendiri. Di Melaka, penggunaan syiling emas ke atas perdagangan dapat dilihat berdasarkan Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Menurut Liaw Yock Fang (2003), Undang-undang Melayu lama adalah bahan utama sejarah yang mengambarkan sistem pemerintahan, pentadbiran dan susunan masyarakat Melayu lama. Undang-undang ini disusun di Melaka kemudiannya ditambah dan disesuaikan oleh pelbagai kerajaan di Nusantara antaranya kerajaan Kedah, Patani, Johor dan Aceh. Ia juga dipercayai pernah digunakan di Pahang, Riau, Pontianak dan Brunei.

Beliau turut menambah bahawa terdapat lebih daripada 40 naskah dalam bentuk panjang, pendek dan fragmen telah ditemui. Undang-undang Laut Melaka digunakan semenjak zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1511) untuk mengawal aktiviti perdagangan dan peraturan laut bagi panduan pedagang yang menggunakan pelabuhan Melaka ketika itu. Di dalam Fasal 21, turut dinyatakan denda yang dikenakan ke atas orang yang membunuh kerbau milik orang mahupun yang liar. Unit piawaiyan yang digunakan ialah setahil, setengah, sepahtu, kupang dan bilangan kepingan emas yang perlu dibayar sebagai pampasan atas kerugian yang ditanggung mereka. Penerangan berkaitan ukuran nilai dan timbangan ke atas kesalahan yang telah dilakukan menunjukkan bahawa pada ketika sudah wujud satu bentuk matawang yang memberi nilai kepada jumlah pampasan yang sepatutnya dibayar oleh pesalah ke atas kesalahan telah dilakukan.

Duit syiling timah pertama dilaporkan telah dihasilkan semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1456/9). Pada muka matawang tersebut tertera nama Sultan yang memerintah dan bahagian belakang ditempa dengan gelaran Islam baginda. Tulisan yang terdapat pada duit-duit timah itu menyerupai tulisan dari masyarakat India Selatan, maka sesetengah ahli numismatik berpendapat bahawa pembuat “die” bagi penghasilan matawang tersebut dibuat orang India dan bukan masyarakat tempatan. Selain itu, duit syiling emas dinar dan pitis timah dari Pasai turut diperkenalkan ke Melaka oleh pedagang Arab dan India Muslim yang berdagang di sana. Selain itu,

terdapat juga duit syiling tembaga Cina dibawa masuk khususnya pada kurun ke-10 dan 11 Masihi. Hasil lawatan diplomatik antara Maharaja China dengan Sultan Iskandar Shah pada 1419 yang memberi kebenaran untuk Sultan Melaka mengeluarkan duit syiling sendiri telah membawa kepada penempaan duit timah Melaka.

Di Johor pula, kesultanan melayu Johor telah rnewujudkan matawang emas dan diedarkan semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah I (1527/28-1564). Matawang ini merupakan yang tertua pernah digunakan di negeri Johor. Menurut Mohd Kassim (1984), duit itu dibahagikan kepada dua jenis nilai, iaitu dinar dan kupang dan ianya diterima oleh sebahagian besar Asia Tenggara dengan kadar tukaran antarabangsa yang ditetapkan pada setengah (1/2) dan sperlapan (1/8) Dolar Sepanyol. Satu emas bersamaan dengan empat Kupang. Mulai pertengahan abad Ke-16, emas dianggap bernilai separuh dari Dolar Spanyol atau bersamaan dengan empat tanga perak Portugis. Duit-duit emas ini berbentuk persegi lapan, ianya hanya digunakan pada pemerintahan Sultan Abdul Jalil II (1571-1597) dan Sultan Abdullah Riayat Syah (1615-1623) sahaja.

Menurut Abdullah Zakaria dan Zainal Abidin (1994), duit emas ia adalah berbentuk bulat, permukaan depan tertera tulisan jawi atau Arab dengan nama Sultan yang memerintah, manakala bahagian belakang pula terdapat kata-kata pujian Khalifatul Mukminin. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil (1623-1677) dan Sultan Sulaiman Badrul Alam (1722-1760), terdapat juga syiling berbentuk segi lapan yang diperbuat daripada perak.

Di Kelantan pula, wang Dinar yang terawal diterbitkan adalah dari Negeri Kelantan & Pattani kerana pekerjaan melombong emas serta mencari emas urai di dalam sungai-sungai telah lama dijalankan dengan pesatnya di Negeri Kelantan. Kebanyakan emas yang dilombong, dijadikan jongkong emas dan dijual kepada pedagang terutamanya pedagang Arab. Bermula dengan sistem barter, kepesatan perdagangan telah menyebabkan perlunya penggunaan matawang yang membawa kepada penempaan Dinar dan Dirham melalui hubungan antara pedagang Arab yang datang membawa Dinar dan Dirham mereka sehingga menarik perhatian Raja negeri itu untuk menempa Dinarnya sendiri. Faktor bahawa negeri-negeri di pantai timur menerima Islam lebih awal, duit syiling emas digunakan sejak kurun ke-17 lagi. Duit syiling emas Kelantan-Patani hanya ditempa dalam satu jenis nilai sahaja iaitu dalam 0.7 gram emas. Duit mas ini digunakan sebagai unit perkiraan, penduduk tempatan memanggilnya sebagai mas dinar. Perkataan 'Dinar' berasal dari perkataan Rom iaitu 'Denarius' yang telah menempa matawang emas dan peraknya sendiri semasa kerajaam Rom dan Byzantine. Denarius ini kemudiannya digunakan oleh kerajaan Islam dalam urusan perdagangan dan pentadbiran sebelum menempa matawangnya sendiri yang dipanggil Dinar untuk syiling emas dan Dirham untuk syiling perak.

Terdapat tiga jenis syiling emas ditemui di Kelantan, jenis pertama terdapat perkataan Arab atau Jawi pada kedua-dua permukaan, contohnya koin mengandungi perkataan 'Khalifat al mu'minin' di bahagian hadapan dan 'Malik al-adil' di belakang. Jenis kedua, dikenali sebagai 'Dinar Kijang' kerana gambar di hadapannya berbentuk seekor kijang manakala di bahagian belakangnya bertulis perkataan 'Malik al-adil' atau 'al-adil' sahaja. Jenis yang terakhir ialah 'Dinar Matahari' kerana gambar dibahagian hadapannya berbentuk matahari atau bunga manakala bahagian belakangnya tertulis 'Malik al adil'. Terdapat pendapat yang berbeza mengenai asal usul duit Dinar emas kijang antaranya seorang pedagang Arab telah menghadiahkan pemerintah perempuan di Kelantan iaitu Che Siti Wan Kembang seekor kijang dan oleh kerana sayangkan Kijangnya maka Baginda menitahkan agar gambarnya diukir pada duit Dinar emas. Versi lain pula mengaitkannya dengan pengaruh Saivite dalam agama Hindu kerana duit kijang menyerupai lembu jantan yang

dianggap sebagai binatang yang suci oleh masyarakat India dan motif lembu jantan ini telah tertera pada duit-duit Hindu lama yang diedar di negeri-negeri utara Tanah Melayu.

Kebiasaannya, duit syiling emas negeri Kelantan dan Patani dibuat menggunakan cara paluan tangan. Ketulan emas yang telah dileperkan menjadi kepingan kemudiannya dipotong kecil-kecil menjadi bentuk yang dikehendaki. Selepas itu, pada kepingan kecil itu dipalu acuan ‘die’ dengan menggunakan tangan. Nilai bagi Dinar Matahari dan Dinar Kijang lazimnya dibandingkan dengan Dolar Sepanyol atau Dolar perak mengikat kadar tukaran yang berbeza.

- 4 Kupang = 1 Mas
- 7 Kupang = 1 Yen Perdagangan Jepun
- 8 Kupang @ 2 Mas = 1 Dolar Sepanyol.

Selain syiling emas, terdapat juga pitis timah di negeri Kelantan ditempa dengan kaedah tuangan (casting) dalam bentuk Pohon Pitis. Duit-duit syiling timah yang ditempa itu mulanya mempunyai cabang-cabangnya, kemudian dipotong daripada cabang-cabangnya sebelum diedarkan dan lebihan dari pohnnya dilebur semula untuk menempa pohon pitis yang baharu. Kesemua syiling Kelantan telah diberhentikan penempaan dalam tahun 1909 apabila duit Negeri-negeri Selat diperkenalkan.

Di Kedah, sebagai tempat yang selalu didatangi oleh pedagang-pedagang luar sejak lama maka rakyat Kedah telah pun lama juga mengenali penggunaan matawang untuk berjual beli, mengantikan sistem tukar barang. Menurut Ibrahim Bakar Langkawi (1952), Sultan Kedah yang ke 10, iaitu Sultan Mahmud Shah 11 (1506-1546) yang bersemayam di Kota siputih, telah menitahkan pembuatan matawang untuk Kegunaan dalam negeri Kedah. Matawang yang diterbitkan dinamakan Tera atau Terayang yang merupakan matawang jenis pecahan terkecil. Matawang Tera ini digunakan sebagai pecahan bagi matawang jenis lain yang juga diedarkan, seperti Pitis, Kupang, Jempal dan Rial. Pada tahun 1982, telah ditemui sekumpulan matawang dalam tiga buah botol tembikar, di Mukim Padang Matsirat, Pulau Langkawi. Matawang yang dijumpai terdiri daripada jenis yang sama tapi berbeza varieti. Pada muka hadapannya bertulis Al-Sultan Al-Kedah yang diakui oleh ahli-ahli sejarah. Hanya terdapat seorang sultan yang bernama Sultan Muhammad Shah, iaitu yang memerintah antara tahun 1201-1236.

Kebanyakan matawang yang pernah ditemui setakat ini adalah jenis kupang. Sistem matawang Mas yang digunakan dalam negeri Kedah diberikan sedikit penambahan, iaitu penambahan unit Tera. Hal ini menjadikan Skala matawang di Kedah sebagai berikut:

- 150 Tera = 1 Kupang
- 4 Kupang = 1 Mas
- 4 Mas = 1 Paha
- 4 Paha = 1 Tahil
- 3 Tahil = 1 bahara emas

Selain daripada matawang emas, di kedah juga digunakan matawang Perak. Matawang Sultan Muhammad telah dibuat daripada logam perak. Hal ini bererti perak telah digunakan di Kedah untuk membuat matawang sejak awal bukan baru diperkenalkan untuk membuat

matawang sejak awal, bukan baharu diperkenalkan dengan matawang Perak Sepanyol yang diperkenalkan kemudian di Kedah.

MATAWANG PASCA PENAKLUKAN MELAKA 1511

Kejatuhan empayar Islam Andalusia di Kordoba dan kota Al-Hambra yang terletak di selatan Sepanyol kepada tentera Castilia Eropah yang dipimpin oleh Ferdinand II dari Aragon dan Isabella I dari Castile pada 2hb Januari 1492 telah membuka lembaran baharu kepada perkembangan sains dan teknologi kepada masyarakat Eropah. Era kehidupan gelap masyarakat eropah seperti mendapat hidayah cahaya baharu kehidupan dengan pertemuan baharu dan laluan baharu perdagangan. Perkembangan dalam ilmu pengetahuan kepada masyarakat eropah telah mengerakkan semangat penjelajahan bangsa eropah kepada dunia baharu. Eksplorasi bangsa eropah khususnya Sepanyol telah membawa mereka ke kawasan baharu seperti di utara Amerika dan selatan Amerika hingga ke kawasan jajahan baharu Mexico dan Peru.

Kerajaan Melaka selepas penaklukan portugis menggunakan matawang perak Sepanyol kerana pada ketika itu, kerajaan Sepanyol adalah penguasa alam laut dan sebuah empayar yang sangat luas serta jumlah simpanan perak besar yang terbesar di dunia. Pengenalan matawang perak Sepanyol khususnya selepas pengenalan matawang "Guldengroschen" di Austria pada 1486. Melalui konsep wang syiling perak yang besar dengan kemurnian tinggi (dikenali sebagai "spin"), matawang perak Sepanyol akhirnya merebak penggunaannya ke seluruh Eropah dan dunia. Pada 1497, pembaharuan system matawang Sepanyol membawa pengenalan syiling pecahan 8 yang diperbuat dari logam perak dan matawang emas "escudo" pada tahun 1537.

Dalam abad seterusnya, wang syiling tersebut dicetak dalam pelbagai reka bentuk dan konsep era dunia baharu menyebabkan ia telah mendapat penerimaan luas di luar sempadan Sepanyol. Sumber penghasilan logam yang banyak dari deposit perak yang luas ditemui terutamanya di Potosí, Lima dan Mexico City serta di kilang kecil di Bogotá, Popayán, Guatemala City, dan Santiago. Tempat dua belas lokasi pencetakan siling perak Sepanyol terdapat di kawasan berikut di Jajahan Sepanyol di Amerika Selatan sepanjang 300 tahun penjajahan mereka iaitu Mexico (1536-1821), Santo Domingo (1542-1564), (1573-1578) Lima (1568-1572), (1577-1588), (1659-1660), (1684-1824) La Plata (1573-1574) Potosí (1574-1825) Panama (1580-1582) Cartagena (1622-1655) Bogotá (1622-1820) Cuzco (1698), (1824) Guatemala (1733-1821) Santiago (1749-1817) Popayan (1758-1822).

Gambarajah 1:

Reka bentuk siri duit syiling perak kolonial Sepanyol yang dibentuk di antara tahun 1536 hingga 1572



DOLAR PULAU PINANG

Dolar Pulau Pinang (*Penang Dollar*) adalah matawang yang dihasilkan antara tahun 1786 sehingga 1826. Ia dibahagikan kepada 100 sen, juga dipanggil pice, dan mempunyai nilai yang sama dengan Dolar Sepanyol. Dolar Pulau Pinang diperkenalkan selepas Syarikat Hindia Timur (SHT) memperoleh pulau tersebut pada tahun 1786 melalui perjanjian yang ditandatangani di antara Francis Light yang mewakili SHT dengan sultan kedah yang baharu ditabah iaitu Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah. Pada tahun 1826, rupee India telah diisytiharkan sah di Pulau Pinang dengan nilai satu rupee bersamaan 48 pice.

Di antara tahun 1786 dan 1788, wang syiling baharu dollar Pulau Pinang dikeluarkan dalam denominasi 1/10, 1/2 dan 1 sen (tembaga), 1/10, 1/4 dan 1/2 Dolar (perak). Wang besar timah, 1 sen telah dikeluarkan di antara 1800 dan 1809, diikuti oleh tembaga 1/2 dan 1 sen pada tahun 1810. Pada tahun 1826, tembaga 1/2, 1 dan 2 sen syiling telah dikeluarkan yang juga dicetak pada tahun 1828, selepas Dolar telah digantikan oleh rupee. Pada tahun 1837, rupee India dijadikan matawang rasmi tunggal di Negeri-negeri Selat, kerana ia ditadbir sebagai sebahagian daripada India. Walau bagaimanapun, Dolar Sepanyol terus berada dalam edaran dan hanya pada tahun 1845, SHT telah memperkenalkan duit syiling untuk negeri-negeri Selat dengan menggunakan sistem 100 sen bersamaan 1 Dolar, dengan Dolar mempunyai nilai setara dengan Dolar Sepanyol atau peso Mexico. Pada tahun 1867, pentadbiran Negeri-negeri Selat dipisahkan dari India dan Dolar pulau pinang terus menjadi matawang standard di negeri-negeri selat.

Pengeluaran matawang Dolar Pulau Pinang dibuat dalam tiga denominasi bertarikh 1788. Penghasilan wang syiling perak untuk Pulau Pinang mungkin bermula pada akhir Disember 1787 pada ketika pengurus tempaan logam (mint master) yang berada di Calcutta menulis surat kepada Kapten Francis Light tentang proses penghasilan matawang. Kapten light mendapati denominasi 1/10 Dolar yang paling berguna dan meminta tambahan 5000 rupee bernilai duit syiling ini. Dia merasakan bahawa permintaan awal atawang dalam denominasi 1/4 dan 1/2 syiling Dolar adalah besar daripada yang diperlukan untuk perdagangan. Beberapa penerbit awal matawang telah berlaku kesilapan dengan mencatatkan denominasi tiga jenis syiling sebagai rupee, 1/2 rupee dan 1/4 rupee. Manakala denominasi yang sepatutnya adalah 1/2 Dolar, 1/4 Dolar dan 1/10 Dolar. Pridmore mencadangkan bahawa denominasi ini (1/4 Dolar) tidak pernah banyak digunakan di pulau itu, walaupun contoh ini menunjukkan memakai, terutamanya pada sebaliknya.

Gambarajah 2:

Matawang Siling 1/4 Dollar (kanan) dan 1/10 Dollar (kiri), Dolar Pulau Pinang, terbitan 1788



DOLAR SELAT: MATAWANG NEGERI-NEGERI SELAT (1898-1939)

Dolar Selat ialah matawang Negeri-negeri Selat dari 1898 hingga 1939 apabila digantikan dengan Dolar Malaya. Pada waktu itu, matawang ini juga digunakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Sarawak, Brunei, dan Borneo Utara British. Pada awal abad kesembilan belas, matawang yang paling biasa digunakan di Hindia Timur adalah Dolar Sepanyol, termasuk matawang yang diterbitkan dari kedua-dua kerajaan Sepanyol dan koloni di bawah pemerintahan Sepanyol atau baharu dunia, yang paling ketara adalah Mexico. Pada masa itu juga, selain matawang Sepanyol, matawang tempatan yang digunakan adalah keping Kelantan, Trengganu dan Dolar Pulau Pinang.

Pada tahun 1837, rupee India dijadikan matawang rasmi tunggal di Negeri-negeri Selat, kerana ia ditadbir sebagai sebahagian daripada India. Walau bagaimanapun, Dolar Sepanyol terus berada dalam edaran dan pada 1845 kerajaan British memperkenalkan duit syiling untuk negeri-negeri Selat dengan menggunakan sistem 100 sen bersamaan 1 Dolar. Kerajaan British memberi persetaraan sama nilai Dolar Selat dengan Dolar Sepanyol atau peso Mexico bagi tujuan perdagangan. Namun pada tahun 1867, pentadbiran Negeri-negeri Selat telah dipisahkan dari India dan Dolar Selat terus dijadikan matawang standard bagi kawasan jajahan British tersebut.

Penubuhan Negeri-negeri Selat berhasil apabila termeterai Perjanjian Anglo-Belanda pada tahun 1824, di mana kepulauan Melayu dibahagikan kepada dua zon iaitu British di utara dan zon Belanda di selatan. Ini menyebabkan pertukaran kawasan kawalan oleh tentera British di Bencoolen (Sumatera) ke kawasan jajahan Belanda, Melaka dan kawalan ke atas kawasan yang dipertikaikan iaitu Singapura. Penduduk terbesar di dalam negeri-negeri selat adalah majoriti kaum cina dengan terdapat minoriti Eropah yang kecil. Ibukota kemudiannya berpindah dari George Town, ibukota Pulau Pinang, ke Singapura pada tahun 1832.

Negeri-negeri selat atau turut dikenali sebagai “*the Straits Settlements*” adalah sekumpulan wilayah British yang terletak di Asia Tenggara. Awalnya ditubuhkan pada tahun 1826 sebagai sebahagian daripada wilayah yang dikuasai oleh Syarikat Hindia Timur India. Negeri-negeri Selat berada di bawah kawalan British secara langsung sebagai koloni Mahkota pada 1hb April 1867. Koloni ini dibubarkan pada tahun 1946 sebagai sebahagian daripada penyusunan semula kepentingan British dari Asia Tenggara berikutan berakhirnya Perang Dunia Kedua.

Jajahan British di negeri-negeri Selat pada awalnya terdiri dari empat penempatan penduduk utama iaitu Melaka, Dinding, Pulau Pinang dan Singapura. Wilayah Pulau Pinang termasuk kawasan Pulau Pinang, yang dahulu dikenali sebagai 'Pulau Putera Wales', dan Seberang Perai di tanah besar, yang dahulu dikenali sebagai '*Province Wellesley*'. Pulau Krismas dan Kepulauan Cocos turut dimasukkan sebagai sebahagian kawalan British ke atas Semenanjung Tanah Melayu. Pulau Labuan, di luar pantai Borneo, juga dimasukkan ke dalam tanah jajahan yang berkuatkuasa dari 1 Januari 1907, menjadi penempatan berasingan di dalamnya pada tahun 1912. Kebanyakan wilayah ini kemudiannya menjadi sebahagian daripada pembentukan Malaysia pada 1963. Pada tahun 1965, Singapura bertindak keluar dan membentuk sebuah Negara republik dan kepulauan Cocos (atau Keeling) dipindahkan ke dalam kawalan kerajaan Australia pada tahun 1955. Pulau Krismas turut dipindahkan pada tahun 1958. Pentadbiran mereka digabungkan pada 1996 untuk membentuk Wilayah Lautan Hindi, Australia.

Kerajaan negeri-negeri Selat pertama kali diberi kuasa untuk mengeluarkan nota matawang oleh Ordinan VIII tahun 1897, yang mulai beroperasi pada 31 Ogos 1898. Nota-nota ini, walaupun bertarikh 1 September 1898, tidak dikeluarkan kepada orang awam sehingga pada 1 Mei 1899.

Kedua-duanya Bank Hong Kong dan Bank Shanghai yang telah lama beroperasi terus mengeluarkan wang kertas, yang diedarkan bersebelahan dengan matawang rasmi sehingga 1 Mei 1898. Semua nota boleh ditukar dengan Dolar Mexico atau pelbagai duit syiling perak yang lain yang sah di bawah pemerintah koloni.

Mulai tahun 1899, matawang Dolar negeri-negeri selat atau "Straits Dollar" dikeluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya Matawang (Board of Commissioners of Currency) dan bank swasta dihalang daripada mengeluarkan matawang mereka sendiri. Namun, nilainya menyusut dalam tempoh lapan tahun yang mendatang sebelum nilainya disandarkan pada satu Dolar Selat bersamaan dua syiling empat pence matawang sterling pada tahun 1906. Dolar Selat diganti pada nilai tukar oleh Dolar Malaya pada tahun 1939.

Pada tahun 1903, kerajaan British memperkenalkan duit syiling bersaiz Dolar dalam logam perak dan dibentuk khas untuk dijadikan nilai unit standard yang diterima pakai dalam Negeri-negeri Selat. Setelah itu, semua matawang perak lain yang berada dalam pasaran telah dinyahkan peredarannya pada tahun 1904. Peningkatan harga perak yang mendedak telah memaksa pihak kerajaan British untuk memanggil matawang pertama Dolar Selat bagi diganti dengan duit syiling dengan kandungan perak yang lebih rendah. Susulan kepada ketakutan tentang kemungkinan kekurangan duit syiling perak membawa kepada pengenalan nota matawang kertas satu Dolar, yang ditetapkan pada kadar pertukaran berbanding emas bukan perak. Bagi memperkenalkan kepada peniaga, Kedaulatan Emas British (*British Gold Sovereign*) buat pertama kali diisytiharkan sebagai tender sah, dan Dolar Selat diberi nilai setara dengan dua syiling dan empat pence sterling. Nota dollar ini terbukti sangat popular sehingga pada tahap yang sangat besar ia mampu menggantikan keperluan untuk duit syiling perak.

Ketika pemerintahan Raja George V (1910-1936), pelbagai nota matawang baharu telah diperkenalkan sehingga kepada nota satu ribu ringgit untuk memudahkan urus niaga penjelasan antara bank. Pada tahun 1915, pihak berkuasa kewangan telah memutuskan untuk membuat perubahan lengkap dalam reka bentuk nota 50, 100 dan 1000 Dolar. Denominasi ini pertama kali dikeluarkan untuk kegunaan orang ramai pada Februari 1920, Oktober 1919 dan Mei 1917. Matawang tersebut dicetak oleh pencetak terkenal, *Thomas de la Rue* dengan satu nota tertinggi bernilai 10,000 pertama kali dikeluarkan pada bulan Oktober 1922 dan tidak tersedia kepada umum dan secara eksklusif digunakan dalam urusan pemindahan antara bank.

Gambarajah 3:

Matawang kertas dan siling bagi Negeri-Negeri Selat, 1 Januari 1935 yang memaparkan gambar Raja British, King George V



DOLAR MALAYA: LEMBAGA PESURUHJAYA MATAWANG MALAYA 1938-1967

Dolar Malaya atau “Malayan dollar” adalah matawang tanah jajahan dan negeri di bawah naungan kerajaan British di Semenanjung Tanah Melayu dan Brunei hingga 1953. Ia diperkenalkan pada tahun 1939, menggantikan Dolar Selat pada nilai par dengan 1 dolar Malaya iaitu dua siling empat pence sterling. Dolar Malaya yang dikeluarkan oleh Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya (*the Board of Commissioners of Currency, Malaya*) mengalami saat-saat cemas semasa pendudukan Jepun (1942-1945). Lembaga Pesuruhjaya Matawang Malaya telah wujud pada bulan Oktober 1938 berikutan Laporan Blackett yang mencadangkan bahawa kuasa tunggal untuk menerbitkan matawang bagi pelbagai kegunaan di Negeri Melayu, termasuk Brunei, dan Negeri-Negeri Selat perlu diwujudkan.

